

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI WISMA PERWIRA 2017 DI PU GONG KEDAK

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2115-majlis-sambutan-hari-raya-aidilfitri-wisma-perwira-2017-di-pu-gong-kedak

GONG KEDAK, 19 Jul 17 – Wisma Perwira, Pangkalan Udara Gong Kedak telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dihadiri oleh Pegawai-pegawai Eksekutif dan Pegawai-pegawai bersama keluarga masing-masing. Majlis turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Suhaimi bin Hussain TUDM dan isteri.

Pelbagai acara dianjurkan bagi memeriahkan majlis antaranya pemakaian sampin paling kreatif, hadiah misteri, sumbangan duit raya, sesi bergambar dan ramah mesra serta persembahan nyanyian daripada Komander Pangkalan dan YDP Wisma Perwira, Lt Kol Mohd Jasmi bin Abdul Wahab TUDM. Majlis diakhiri dengan kemeriahinan mainan bunga api oleh anak-anak serta pertunjukan bunga api.





